



UKK/600-01/05 (38)

SIARAN MEDIA

PAMERAN HANYA SATU: ATMA KIRANA HAYATI RUKUN NEGARA DAN WARISAN BUDAYA MALAYSIA

8 OGOS 2023 – Balai Seni Negara menerusi Pameran Hanya Satu (*Single*) membawakan karya yang bertajuk '**ATMA KIRANA**' oleh Abdul Shakir atau lebih dikenali sebagai Grasshopper bermula pada 8 Ogos 2023 di ruang lobi bangunan Galeri Balai Seni Negara. Grasshopper merupakan seorang artis multimedia terkenal di Malaysia yang sering menghasilkan karya seni digital dan interaktif.

ATMA KIRANA merupakan sebuah eksplorasi seni yang mendalam dan menekankan rukun negara sebagai subjek utama. Atma Kirana diterjemahkan melalui bahasa melayu atau sanskrit kuno sebagai "jiwa yang indah". Ia merupakan koleksi visual digital yang dipersembahkan melalui lima variasi motif berdasarkan prinsip rukun negara iaitu percaya, setia, luhur, adil dan baik.

Karya ini memberi kesan animasi melalui bentuk dan cahaya yang menakjubkan dan dipamerkan menerusi koreografi instalasi daripada 100 panel LED tergantung yang diletakkan dengan teratur untuk membolehkan orang ramai melihat karya ini dari sudut pandang dan seterusnya dihayati.

Selain itu, bagi melahirkan komitmen terhadap kelestarian alam, panel LED yang digunakan bagi pameran ini terdiri daripada panel yang telah dikitar semula daripada papan iklan di sekitar bandar.

ATMA KIRANA oleh Grasshopper disokong oleh Yayasan TM (YTM) melalui 'Digital Tech Incubator Programme (DTI)'. ATMA KIRANA turut ditaja oleh Helio Media, Pixel World Converse Malaysia, dan Converse Malaysia. Dalam pada itu, beberapa

program sokongan seperti sesi perkongsian oleh artis serta bengkel bakal diadakan bagi meraikan pameran ini.

Justeru, Balai Seni Negara menjemput orang ramai untuk melawat dan menghayati karya seni yang dipamerkan selaras dengan sambutan kemerdekaan dan Hari Malaysia yang bakal menjelang agar nilai serta prinsip rukun negara dapat dihayati dan dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Pameran ini dibuka kepada orang ramai sehingga 31 Oktober 2023 dan masuk adalah percuma. Untuk maklumat lanjut, media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau
T: +60 16 494 7921
E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris
T: +60 17 987 3303
E: hidayah@artgallery.gov.my